

**PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN 1984 TERHADAP POLIGAMI  
TANPA KEBENARAN MAHKAMAH  
(KAJIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)**

Mohamad Kori Jusoh<sup>1</sup>

Rusjdi Ali Muhammad<sup>2</sup>

Muslim Zainuddin<sup>3</sup>

**Abstrak**

*Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan menyatakan dengan jelas, jika seseorang lelaki berkahwin lagi dimana-mana jua dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis dari mahkamah, maka dia telah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau keduanya sekali. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tentang penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan berkaitan masalah poligami tanpa kebenaran mahkamah. Metod kajian ini adalah kajian secara kualitatif. Walau bagaimanapun, dapatan kajian berdasarkan data yang diambil dari lapangan, perkahwinan poligami di selatan Thailand tanpa kebenaran mahkamah terus berleluasa dan meningkat saban tahun seolah-olah ancaman Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan kepada pengamal poligami tanpa kebenaran ini langsung tidak memberi kegusaran dan kegerunan kepada mereka. Dengan peningkatan kes poligami tanpa kebenaran*

---

<sup>1</sup> Pelajar PhD di Universiti Islam Negeri Ar Raniry Banda Aceh, Indonesia

<sup>2</sup> Pensyarah Universiti Islam Negeri Ar Raniry, Banda Aceh

<sup>3</sup> Pensyarah Universiti Islam Negeri Ar Raniry, Banda Aceh

*mahkamah di wilayah selatan Thailand menunjukkan bahwa undang-undang keluarga Islam Wilayah Persekutuan tidak dihormati.*

**Kata kunci :** *Poligami, Undang-Undang Keluarga Islam, Penguatkuasaan*

## **1.0 PENDAHULUAN**

Islam mendorong umatnya berkahwin bagi tujuan kelangsungan keturunan manusia di atas muka bumi. Perkahwinan ditakrif sebagai suatu akad yang menghalalkan pergaulan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram<sup>4</sup>. Dengan perkahwinan juga akan membentuk ikatan keluarga yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Hubungan kasih sayang antara suami isteri dan anak-anak akan terhasil daripada perkahwinan yang dilimpahi ketenangan dan kedamaian. Ketenangan dan kedamaian yang dinikmati oleh pasangan suami isteri merupakan matlamat utama yang dicari dan didambakan oleh pasangan lelaki dan wanita yang mendirikan rumahtangga. Semua itu diatur oleh Allah SWT melalui firmanNya dalam al-Quran:

ومن آياته أن خلق لكم من أنفسكم أزواجا لتسكنوا إليها وجعل بينكم مودة ورحمة إن في ذلك لآيات لقوم يتفكرون

---

<sup>4</sup> Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Shah Alam: HIZBI SDN. BHD., hlm. 17

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Ar-Rum 30 : 21)<sup>5</sup>

Sejarah kewujudan manusia di atas muka bumi bermula dari Adam dan Hawa r.a. Mereka telah berkahwin dan mempunyai keturunan sejak zaman berzaman sehingga ke hari ini. Dari perkahwinan antara lelaki dan wanita, populasi manusia semakin bertambah di atas muka bumi. Jumlah manusia yang mendiami muka bumi menurut statistik tahun 2018 sudah melebihi 7.5 billion.<sup>6</sup> Pada kelazimannya perkembangan umat manusia ini ialah hasil perkhawinan yang terjadi di kalangan lelaki dan wanita yang muda belia. Adapun perkahwinan antara lelaki dan wanita yang sudah tua atau telah berusia kurang menghasilkan zuriat bagi memakmurkan bumi ini. Dorongan ini jelas terdapat dalam firman Allah SWT:

وَأَنْكَحُوا الْأَيَّمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ  
يَغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَسِعَ عَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah

---

<sup>5</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, ( Kuala Lumpur : Darul Fikir, 2001) Ar Ruum ayat 21

<sup>6</sup> <http://worldpopulationreview.com/countries>

akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui. (Surah An-Nur 24: 32)<sup>7</sup>

Rasulullah SAW juga menggalakkan umatnya mengahwini wanita yang subur yang boleh melahirkan zuriat yang banyak. Terdapat hadith daripada Ma'qil bin Yasar yang berkata: Seorang lelaki menemui Nabi SAW lalu berkata:

إني أصبت امرأة ذات حسب وجمال، وإنها لا تلد، أفأتزوجها، قال:  
"لا." ثم أتاه الثانية فنهاه، ثم أتاه الثالثة، فقال: تزوجوا الودود الودود  
فإني مكاتر بكم الأمم".

“Sesungguhnya aku telah bertemu dengan seorang wanita yang mempunyai kedudukan dan rupa paras yang cantik tapi dia seorang yang tidak boleh melahirkan anak. Maka apakah aku boleh menikahnya? Rasulullah SAW menjawab: “Jangan.” Kemudian lelaki itu datang menemui Nabi SAW buat kali kedua, tetapi Baginda SAW tetap melarang perkahwinan tersebut. Lalu lelaki itu menemui Nabi SAW buat kali ketiga maka Nabi SAW bersabda: “Kahwinilah wanita yang penyayang, dan subur kerana aku merasa bangga dengan memiliki umat yang ramai.”<sup>8</sup>

Hadith ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menganjurkan lelaki berkahwin dengan wanita yang penyayang agar dia dapat menyayangi suaminya. Selain itu, wanita yang subur pula boleh melahirkan ramai

---

<sup>7</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, ( Kuala Lumpur : Darul Fikir, 2001) al-Nur 32

<sup>8</sup> Irsyad al-Hadith siri ke-267 : Galakan Menikah Wanita Yang Subur Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 22 Mei 2018

anak. Hadith ini diikat dengan dua ciri iaitu pertama, jika seorang wanita itu tidak bersifat penyayang maka tarikan suami kepadanya akan berkurangan. Kedua, jika wanita itu tidak subur maka ia tidak mencapai salah satu tuntutan perkahwinan iaitu meramaikan umat dengan melahirkan ramai anak. Oleh itu, kedua-dua ciri ini kebiasaannya terdapat dalam kalangan wanita yang masih anak dara.

## **2.0 LATAR BELAKANG MASALAH**

Realiti perkahwinan yang ditinjau di sekeliling kita ada lelaki berkahwin dengan seorang mahupun dua orang, atau tiga orang isteri bahkan ada juga yang berkahwin dengan empat orang isteri sekaligus. Hal ini berlaku kerana syariat Islam tidak melarang amalan poligami. Syariat Islam hanya membataskan seseorang lelaki Muslim dalam satu masa tidak boleh berkahwin lebih daripada empat orang isteri. Jumlah empat orang isteri itu ialah jumlah maksimum yang dibenarkan oleh syariat Islam. Pensyariatan poligami hanya merupakan suatu “*rukhsah*” kepada lelaki tetapi ia bukanlah suatu hak atau tuntutan. Hal ini amat jelas seperti yang terdapat dalam firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَقْسُطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مِثْنَىٰ  
وَتِلْكَ وَرَبْعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةٌ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا  
تَعُولُوا

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau

(pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

(An-Nisaa' 4:3)

Syariat Islam membenarkan lelaki berpoligami berdasarkan keperluan dan keadaan seseorang individu. Terdapat tiga hukum berkaitan poligami yang hukum asalnya adalah harus. Walau bagaimanapun, hukum ini boleh berubah menjadi sunat, makruh dan haram mengikut keadaan individu seperti berikut:

- a) **Disunatkan** seorang lelaki yang mempunyai keperluan berkahwin lebih daripada seorang isteri jika dia tidak dapat menjaga syahwatnya daripada zina dan maksiat, atau isteri yang sakit, mahupun tidak dapat mengandung sedangkan suami inginkan zuriat dalam keadaan suami berkeyakinan akan berlaku adil antara isteri-isterinya.
- b) **Makruh** sebuah poligami itu jika niat hanya untuk berhibur dan tidak ada keperluan secara zahir atau suami tidak berkemampuan untuk berlaku adil terhadap isteri-isterinya dan boleh mendatangkan mudarat kerana ketidakadilan tersebut.
- c) **Haram** hukum berpoligami bagi lelaki yang mengetahui dari awal lagi dirinya tidak mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya sekiranya mengahwini lebih daripada seorang wanita. Hal ini disebabkan seorang suami itu seorang fakir atau miskin, lemah atau tidak ada keyakinan dalam dirinya untuk berlaku adil. Oleh itu, dalam kondisi ini, seorang lelaki itu diharamkan berpoligami kerana boleh mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Sebagaimana hadith Rasulullah SAW bersabda:

لا ضرر ولا ضرار

“Tidak boleh mendatangkan mudarat dan membalas mudarat dengan mudarat yang lain.”

(Riwayat Malik)

Walaupun poligami merupakan satu “*rukhsah*” dalam Islam, tetapi bagi menjamin amalan poligami tidak disalahgunakan, maka syariat Islam menetapkan syarat-syarat tertentu bagi seseorang lelaki yang ingin berpoligami. Antaranya termasuklah seseorang lelaki yang ingin berpoligami hendaklah mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya<sup>9</sup>. Suami tidak boleh cenderung berat sebelah hanya kepada salah seorang isterinya dan mengabaikan isteri yang lain. Sekiranya suami tidak dapat berlaku adil kepada semua isterinya, maka kezaliman telah dilakukan terhadap isteri tersebut. Realitinya, lelaki yang tidak mampu berlaku adil terhadap isterinya adalah tidak layak berpoligami.

Nabi SAW menegaskan bahawa sesiapa yang memiliki dua orang isteri, tetapi cenderung kepada salah seorang daripada mereka, pada hari kiamat kelak ia akan dibangkitkan dalam keadaan sebahagian tubuhnya senget<sup>10</sup>. Seorang lelaki yang ingin berpoligami juga perlu

---

<sup>9</sup> Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Al-Fiqhu al-Manhaji*, hlm. 598

<sup>10</sup> Ahmad bin Husin bin Ahmad, *Matan al-Ghaayah Wat Taqrib*, (Beirut: Dar Ibn Hazm) cetakan ke-4, hlm. 227

mampu memberikan nafkah kepada isteri-isterinya<sup>11</sup>. Hal ini sangat jelas kerana seseorang yang berpoligami wajib memberikan nafkah zahir dan batin kepada para isterinya. Hakikatnya, bagaimanakah seorang lelaki itu ingin berpoligami sedangkan nafkah untuk menyara seorang isteri pun sudah tidak mencukupi. Golongan ini dilarang sama sekali mengamalkan poligami. Allah berfirman: <sup>12</sup>

وليستعفف الذين لا يجدون نكاحا حتى يغنيهم الله من فضله

“Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya.”

(An-Nur 24: 33)

Terdapat juga hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah Ibn Masúd r.a bahawa Nabi SAW bersabda:

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فإنه أغض للبصر،  
وأحصن للفرج، ومن لم يستطع فعليه بالصوم فإنه له وجاء

“Wahai para pemuda! sesiapa dalam kalangan kamu yang berkemampuan (menanggung perbelanjaan kahwin) hendaklah berkahwin. Hal ini kerana perkahwinan itu dapat menundukkan pandangan mata dan menjaga kehormatan diri. Sesiapa yang

---

<sup>11</sup> Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Al-Fiqhu al-Manhaji*, (terj. Ustaz Azizi Ismail dan Ustaz Mohd Asri Hasshim) jilid 4 ( Kuala Lumpur: Pustaka Salam) hlm. 598

<sup>12</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an ( Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2001) al-Nur, ayat 33

tidak berkemampuan hendaklah berpuasa kerana amalan puasa itu dapat menjadi perisai.<sup>13</sup>

Urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditadbir melalui Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan ) 1984 [Akta 303]. Seksyen 23, Undang-Undang Keluarga Islam 1984 tidak menghalang poligami diamalkan oleh komuniti Muslim di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, permohonan untuk mendapat kebenaran berpoligami perlu dikemukakan oleh pihak lelaki yang ingin berpoligami kepada mahkamah dengan menyatakan keperluan poligami yang dicadangkan itu perlu dilaksanakan.

Sekiranya lelaki yang ingin berpoligami itu merasakan dirinya memenuhi syarat-syarat poligami yang ditetapkan oleh Undang-Undang Keluarga Islam, maka dia boleh membuat permohonan kepada mahkamah kerana kebenaran berpoligami terletak kepada keputusan mahkamah. Setelah mahkamah berpuas hati bahawa pemohon layak berkahwin lagi maka mahkamah akan memberikan kebenaran secara bertulis kepada pemohon untuk berpoligami.

Perkahwinan secara poligami yang dibuat mengikut ketetapan Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan membolehkan perkahwinan tersebut didaftar di dalam Daftar Perkahwinan Wilayah

---

<sup>13</sup> Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Al-Fiqhu al-Manhaji*, (terj. Ustaz Azizi Ismail dan Ustaz Mohd Asri Hasshim) jilid 4 ( Kuala Lumpur: Pustaka Salam) hlm 572

Persekutuan. Jika pernikahan tersebut telah didaftarkan, maka secara rasminya perkahwinan tersebut sah disisi undang-undang.

Proses pendaftaran perkahwinan ini dilaksanakan oleh Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Bahagian ini juga yang mengeluarkan Surat Perakuan Nikah kepada pasangan yang berdaftar. Jika seorang lelaki yang menetap atau bermastautin di Wilayah Persekutuan berkahwin tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dalam sistem Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan maka dia telah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda atau dipenjarakan.<sup>14</sup> Malah perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan melalui sistem Daftar Perkahwinan Wilayah Persekutuan selagi mana ianya tidak mendapat kebenaran untuk mendaftar dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan seperti yang disebut dalam Seksyen 123, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.

Walaupun peruntukan undang-undang ini nampak kemas dalam mengurus perkahwinan poligami di Wilayah Persekutuan, realitinya urusan perkahwinan poligami ini masih wujud kelompongan dari beberapa aspek. Antaranya masih ramai lelaki yang berpoligami melangsungkan pernikahan secara tidak sah mengikut ketetapan Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak mendapat kebenaran Mahkamah. Namun pernikahan mereka telah didaftarkan melalui

---

<sup>14</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam ( Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 123

sistem Daftar Perkahwinan Wilayah Persekutuan dan tidak disabitkan kesalahan dan tidak dikenakan hukuman denda atau penjara seperti yang termaktub di dalam Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan<sup>15</sup>.

“Seseorang lelaki, berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu dari Mahkamah maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

Perkara ini dilihat seolah-olah Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 tiada taringnya, tidak berwibawa dan tidak dihormati oleh masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Berdasarkan data yang dikutip dari Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia masih ramai bernikah di wilayah-wilayah Selatan Thailand tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Undang-Undang Keluarga Islam<sup>16</sup>.

Menurut pegawai dari Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, kebanyakan perkahwinan warga Malaysia di Selatan Thailand adalah kes poligami tanpa kebenaran

---

<sup>15</sup> Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Bahagian IX-Penalti, Seksyen 123. Poligami tanpa kebenaran Mahkamah.

<sup>16</sup> Wilayah –Wilayah Selatan Thailand bagi maksud di atas ialah lima Wilayah Selatan yaitu Narathiwat, Yala, Pattani, Songkhla dan Satun

Mahkamah<sup>17</sup>. Ini kerana perkahwinan poligami di selatan Thailand mudah dilaksanakan dan tiada undang-undang yang mengawal secara ketat berbanding di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan negara lain.

Pasangan menganggap prosedur permohonan poligami di Malaysia begitu rumit, leceh, lambat dan tidak efisien. Pemohon perlu menyatakan alasan kenapa perkahwinan poligami tersebut perlu, menyatakan jumlah pendapatan pemohon, menyatakan komitmen terhadap keluarga termasuk dari sudut kewangan yang patut ditentukan, menyatakan keseluruhan bilangan tanggungan sama ada yang baru dan yang sedia ada serta perlu mendapat izin isteri di mahkamah<sup>18</sup>.

Setelah pihak mahkamah menerima permohonan tersebut, satu prosiding akan dijalankan dengan kehadiran isteri atau isteri-isteri pemohon sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 23(4) Akta 1984 iaitu<sup>19</sup>:

“Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah, memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia

---

<sup>17</sup> Wawancara bersama Us Mohd Salehin bin Sopian, Penolong Pengarah Kanan, di Bahagian Keluarga Sosial dan komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tanggal 3 Oktober 2021

<sup>18</sup> Mohd Zahiruddin Fahmi Bin Ahmad Zakhi, 2015. *Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur: Kajian Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Disertasi Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 86.

<sup>19</sup> Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Bahagian IX-Penalti, Seksyen 23(4). Poligami tanpa kebenaran Mahkamah.

ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup”

Perlu difahami bahawa tujuan kehadiran para isteri dalam prosiding tersebut bagi membolehkan mereka membantu mahkamah dan mengemukakan hak-hak yang layak diterima sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang seperti nafkah anak, hak bermalam, penginapan yang berasingan dan juga hak untuk mendapatkan harta sepencarian jika ada.<sup>20</sup>

Dengan anggapan permohonan kebenaran poligami di mahkamah rumit, leceh, lambat dan tidak efisien maka *trend* perkahwinan poligami di wilayah-wilayah Selatan Thailand meningkat walaupun terdapat juga perkahwinan poligami tanpa kebenaran mahkamah berlangsung di dalam negara dengan persetujuan wali tetapi jumlahnya sangat kecil. Pada tahun 2014 sebanyak 3831 pasangan rakyat Malaysia telah bernikah di Selatan Thailand. Peningkatan sebanyak 346 kes dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2015 pula sebanyak 4081 kes perkahwinan di selatan Thailand. Peningkatan sebanyak 250 pasangan dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2016 sebanyak 4178 pasangan telah bernikah di Selatan Thailand. Peningkatan sebanyak 97 pasangan dari tahun sebelumnya. Pada tahun


---

<sup>20</sup> Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani (2021), Poligami Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Muar Johor Tahun 2015–2019, Jurnal ‘Ulwan, Edisi Khas 1: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi, Jil.6, Bil.1. 269–277.

2017 sebanyak 4375 pasangan bernikah di Selatan Thailand. Peningkatan sebanyak 197 pasangan dari tahun sebelumnya dan 2018 sebanyak 4653 pasangan bernikah di selatan Thailand dan peningkatannya sebanyak 278 pasangan<sup>21</sup>. Data ini menunjukkan warganegara Malaysia yang berkahwin di Selatan Thailand.

Peningkatan tersebut boleh dilihat seperti rajah di bawah:

**Rajah 1: Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah**



Berdasarkan kepada data yang diterima daripada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pula, jumlah pesalah yang disabitkan hukuman denda atau dipenjarakan kerana berpoligami tanpa kebenaran adalah sangat sedikit bilangannya berbanding data perkahwinan poligami yang tidak mengikut prosedur yang sangat tinggi. Ini menyebabkan Wilayah Persekutuan adalah

---

<sup>21</sup> Data dari Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya tahun 2019

antara negeri yang menjadi pilihan bagi mendaftarkan perkahwinan yang tidak mengikut prosedur undang-undang kerana prosesnya lebih mudah. Bilangan orang yang disabitkan hukuman sepanjang tempoh lima tahun dari tahun 2014 hingga tahun 2018 adalah seperti di jadual berikut<sup>22</sup>:

**Jadual 1: Bilangan Orang yang disabitkan Hukuman Dari 2014-2018**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH</b>
2014	8
2015	61
2016	22
2017	1
2018	3

Hasil temu bual bersama Penolong Pegawai di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan mendapati banyak kes poligami tanpa izin Mahkamah Syariah yang terlepas daripada hukuman denda atau penjara atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah<sup>23</sup>.

---

<sup>22</sup> Data dari Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia tahun 2019.

<sup>23</sup> Wawancara bersama puan Adibah binti Radzi, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tanggal 3 Oktober 2019

Persoalan pengkaji di sini ialah kenapa poligami yang tidak mengikut ketetapan pemerintah mendapat tempat di hati masyarakat Islam Wilayah Persekutuan dan sering menjadi pilihan utama orang-orang Islam Wilayah Persekutuan untuk berpoligami. Apakah benar terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sistem undang-undang keluarga Islam di Wilayah Persekutuan atau terdapat banyak ruang untuk meloloskan diri dari penguatkuasaan undang-undang sehingga mereka tidak mempedulikan penalti yang akan dikenakan.

Perkara ini dilihat sebagai satu suasana yang tidak sihat berlaku dalam masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan tanpa melihat kesan terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Berdasarkan data yang dikumpul di atas menunjukkan kes poligami tanpa kebenaran mahkamah di wilayah-wilayah Selatan Thailand meningkat saban tahun membuktikan bahawa wujudnya jurang (*gap*) secara jelas terhadap pelaksanaan penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam berkaitan dengan pernikahan poligami.

### **3.0 PENGERTIAN POLIGAMI**

Poligami dalam bahasa Arab disebut dengan kalimah *ta'addad al-zawjaat*. Berasal dari perkataan *ta'addad* bermaksud berbilang.

Manakala perkataan *al-zawjaat* adalah kata jamak yang diambil daripada perkataan *al-zawjah* yang bermaksud isteri.<sup>24</sup>

Dalam aspek Syariah, berbilang isteri yang dimaksudkan adalah melebihi seorang isteri dengan maksima tidak melebihi empat orang. Secara dasarnya, poligami merujuk kepada dua perkataan iaitu *ta'addud* yang berasal dari kata dasar *ta'addada*, bermaksud berbilang atau lebih banyak bilangannya dan *zawjat* pula adalah kata nama yang berasal dari kata dasar *zawwaja* yang bermaksud mencantumkan antara dua benda atau mengahwinkan seorang lelaki dengan seorang wanita.<sup>25</sup> Perkataan *zawjaat* merupakan kata jamak bagi *zawjah* yang bererti isteri-isteri<sup>26</sup> dan apabila digabungkan perkataan tersebut *ta'addad zawjaat* akan membawa maksud isteri yang ramai atau berbilang isteri.<sup>27</sup>

Dalam bahasa Yunani pula, poligami berasal daripada dua perkataan iaitu *poly* atau *polos* yang bermaksud banyak dan *gamein* atau *gamos* ertinya kahwin, perkahwinan<sup>28</sup> atau suatu budaya masyarakat yang mempunyai lebih daripada satu isteri pada satu-satu

---

<sup>24</sup> Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad. 1994. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadiq. hal. 250. Al-Sabra, Jirwan. 1398H.

<sup>25</sup> *Majmu' al-Lughawi, Qamus Arab Parsi*. Beirut: Majaz bi al-Huquq. hlm. 874.

<sup>26</sup> Hanafi Dollah. *Qamus al-Khalil*. 2006. Kuala Lumpur: Dar al-Syagir. hlm. 265, 403

<sup>27</sup> Louis, Ma'luf. 1990. *Al-Munjid fi al-Lughat wa al-Adab wa al-Ulum*. Beirut: al-Matba'ah al-Katholikiah. hlm. 223.

<sup>28</sup> H.A Hafizah Dasuki. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 108.

masa.<sup>29</sup> Oleh itu, poligami dari aspek bahasa boleh didefinisikan sebagai satu perkahwinan yang lebih daripada seorang wanita pada suatu masa.

#### **4.0 POLIGAMI MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Bagi memastikan amalan poligami dilaksanakan secara teratur di Wilayah Persekutuan serta menjaga *masalah* agar keharmonian keluarga Islam yang dibina tidak tergugat dan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan tidak terganggu dengan amalan poligami, maka Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984) [Akta 303] telah memperuntukkan berkaitan dengan perkahwinan poligami.

Seksyen 23 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] menjelaskan secara terperinci berkaitan proses yang perlu dilalui oleh seseorang lelaki sebelum dia dibolehkan untuk berpoligami. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984) [Akta 303] adalah rujukan dan panduan utama yang digunakan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan bagi urusan perkahwinan dan kekeluargaan Islam yang perlu diikuti termasuklah perkahwinan poligami.

---

<sup>29</sup> *Oxford Advanced Learner Dictionary of Current English*. 2006. London: Oxford University Press. hlm. 1167.

Keperluan permohonan kebenaran untuk berpoligami di Mahkamah dan kewajipan mendaftarkan perkahwinan poligami dalam sistem Daftar Perkahwinan Wilayah Persekutuan adalah perkara yang dijelaskan secara terperinci menerusi Undang-Undang Keluarga, Akta 303. Walau bagaimanapun, secara asasnya Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan mengamalkan dasar perkahwinan monogami. Perkara ini jelas disebut di dalam seksyen 23(1) akta 303 seperti berikut:

“Tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat akad nikah perkahwinan yang lain dengan perempuan lain <sup>30</sup>”

Dalam konteks perkahwinan poligami di Wilayah Persekutuan berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, terdapat seksyen khusus yang membahaskan kelayakan seseorang lelaki untuk memohon kebenaran poligami di Wilayah Persekutuan.

Perkara ini dilihat berdasarkan Seksyen 23(2) menjelaskan bahwa permohonan kebenaran berpoligami hanya boleh dibuat oleh seseorang lelaki yang tinggal atau bermastautin di Wilayah Persekutuan jika perkahwinan itu dilangsungkan di Wilayah Persekutuan. Manakala

---

<sup>30</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], International Law Book Services (Selangor tahun 2011) hlm. 24

permohonan kebenaran berkahwin bagi seorang perempuan pula hanyalah terikat dengan peraturan biasa yang ditetapkan oleh Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Seksyen 23(2) Akta 303 membuat peruntukkan seperti berikut;

“Seksyen 23 (2) subseksyen (1) terpakai bagi perkahwinan dalam Wilayah Persekutuan seseorang lelaki yang bermastautin dalam atau di luar Wilayah Persekutuan dan perkahwinan di luar Wilayah Persekutuan seseorang lelaki yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan.”<sup>31</sup>

Perkara ini menjelaskan bahawa peruntukan seksyen 23 (2) boleh diguna pakai oleh seorang lelaki yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan. Bagi lelaki pemastautin Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan yang bercadang melangsungkan perkahwinan secara poligami di Wilayah Persekutuan, maka dia perlu mendapatkan kebenaran berpoligami terlebih dahulu dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan atau di tempat tinggal semasa beliau. Begitu juga jika perkahwinan poligami itu dilangsungkan di luar Wilayah Persekutuan sama ada di luar negeri atau di luar negara, walhal lelaki tersebut adalah pemastautin Wilayah Persekutuan maka dia perlu

---

<sup>31</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Internasional Law Book Services, (Selangor tahun 2011) hlm. 25

mendapatkan kebenaran berpoligami melalui Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.<sup>32</sup>

Sementara itu, Seksyen 123 Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan pula bertujuan mengawal, memberi amaran atau ancaman kepada pernikahan poligami tanpa kebenaran mahkamah. Dengan wujudnya peruntukan kesalahan ini diharap dapat mengurangkan jumlah perkahwinan poligami tanpa kebenaran mahkamah. Peruntukan kesalahan Seksyen 123 ini juga adalah selari dengan perinsip Maqaasid Syariah dalam memelihara nasab dan keturunan. Seksyen 123 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] memperuntukkan seperti berikut;

“Seseorang lelaki, berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu dari Mahkamah maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> Wawancara Bersama YA Tuan Rosdi bin Hanafi, Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 18 Januari 2023 bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan jam 10.30 am

<sup>33</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Internasional Law Book Services, (Selangor tahun 2011) hlm. 84

## **5.0 PROSES PENDAFTARAN POLIGAMI TANPA KEBENARAN**

Berdasarkan peruntukan Seksyen 23(1A) Undang-Undang Keluarga Islam, sesuatu perkahwinan yang dilangsungkan oleh mana-mana pihak walaupun tanpa menurut undang-undang boleh didaftarkan jika perkahwinan itu sah menurut hukum syarak dan telah mendapat perintah daftar nikah yang telah dilangsungkan itu.

Pendaftaran nikah poligami secara tidak sah menurut undang-undang adalah tertakluk kepada Seksyen 123 akta yang sama di mana mereka perlu dikenakan hukuman atas kesalahan yang telah dilakukan dengan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah. Pendaftaran pernikahan poligami ini boleh dilakukan jika pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Panduan Permohonan Perintah Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan seperti berikut:

- 5.1 Perkahwinan yang berlaku adalah berlawanan dengan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- 5.2 Bagi perkahwinan poligami, hendaklah difailkan oleh suami berdasarkan permastautinan suami di Wilayah Persekutuan semasa perkahwinan dijalankan.
- 5.3 Perkahwinan belum didaftarkan di mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) di Malaysia.

5.4 Perkahwinan berlaku selepas 29 April 1987 iaitu selepas Tarikh kuatkuasa Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)<sup>34</sup>

Kebanyakan penduduk Wilayah Persekutuan yang berpoligami di wilayah-wilayah selatan Thailand tanpa kebenaran mahkamah dan kembali semula ke Wilayah Persekutuan untuk mendaftarkan perkahwinan yang dilangsungkan, perlu hadir mengisi borang permohonan yang ditetapkan di kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Proses ini perlu dibuat oleh mereka bagi tujuan mendapatkan satu Surat Perakuan Nikah yang dikeluarkan secara sah di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Proses Permohonan pengesahan dan perintah daftar perkahwinan di mahkamah adalah lebih mudah dan ringkas berbanding proses penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam yang lebih rumit dan memerlukan masa panjang. Pada kelazimannya, proses pengesahan dan perintah daftar nikah di Mahkamah Syariah akan selesai terlebih dahulu berbanding tindakan penguatkuasaan yang mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan.

Tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

---

<sup>34</sup> Permohonan Perintah Pengesahan Dan Pendaftaran Perkahwinan (Permohonan 4P), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Tahun 2017 hlm. 11

Proses penguatkuasaan atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah akan dimulakan dengan mengisi dengan lengkap borang 5 iaitu borang aduan. Borang ini perlu diisi setelah pegawai Bahagian Penguatkuasaan menerima salinan surat dari Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Setelah borang 5 diterima di kaunter Bahagian Penguatkuasa, fail siasatan akan dibuka bagi tujuan siasatan ke atas suami dan isteri yang bernikah poligami tanpa kebenaran mahkamah. Jika terdapat kesalahan yang berlaku maka penguatkuasaan akan dijalankan dan pertuduhan dibuat di mahkamah. Sekiranya tiada kesalahan yang dilakukan, maka pihak-pihak yang terlibat akan dilepaskan dari pertuduhan di mahkamah.

## **6.0 ANALISIS TERHADAP PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Berdasarkan analisa dan wawancara yang dibuat di lapangan bersama pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, maka dapataannya adalah seperti berikut;

Pertama, Pernikahan poligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah didaftarkan di dalam Daftar Perkahwinan Wilayah Persekutuan setelah kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan menerima Perintah Daftar dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebelum pelakunya

dikenakan hukuman atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah. Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan seksyen 23(1A) sesuatu perkahwinan poligami tanpa kebenaran mahkamah tidak boleh didaftarkan melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak tetapi Tindakan pendaftaran itu adalah tertakluk kepada seksyen 123 Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan atau dengan kata lain mereka perlu dihukum atas kesalahan yang dilakukan iaitu berpoligami tanpa kebenaran mahkamah. Hakikat yang berlaku ialah apabila pengamal poligami yang melanggar undang-undang telah mendapat Perintah Pengesahan Perkahwinan dan Perintah Daftar Perkahwinan dari Mahkamah Syariah, maka mereka akan mengelakkan diri untuk hadir ke perbicaran atas pertuduhan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah semasa kes mereka di sebut di Mahkamah bagi menentukan kesalahan berpoligami tanpa kebenaran. Ada juga antara mereka terus menghilangkan diri dari Wilayah Persekutuan serta berhijrah ke negeri lain yang menyebabkan penguatkuasaan ke atas mereka menjadi sukar seterusnya gagal kerana keberadaan mereka di negeri lain sukar dikesan melainkan sebahagian kecil sahaja dapat dikuatkuasakan.

Kedua: Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan yang berpoligami tanpa kebenaran mahkamah seolah-olah tidak gentar terhadap ancaman perundangan yang menetapkan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Mereka juga membelakangkan

peraturan sedia ada kerana berdasarkan kes-kes perkahwinan poligami tanpa kebenaran mahkamah yang terdahulu kebanyakannya didaftarkan di dalam Daftar Perkahwinan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai daftar yang sah sedangkan pesalahnya tidak dikenakan apa-apa hukuman kecuali sebahagian kecil sahaja yang dikenakan hukuman sebagaimana jadual yang tertera sebelum ini.

Hal ini boleh membuka ruang yang selesa kepada pengamal poligami tanpa kebenaran mahkamah yang melakukan kesalahan dan terlepas dari hukuman. Perkara ini seolah-olah menggalakkan lagi aktiviti poligami tanpa kebenaran mahkamah apabila mereka turut memberi pandangan dan nasihat kepada rakan-rakan yang ingin berpoligami dengan membelakangkan Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Kelemahan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang ini menyebabkan kes pernikahan poligami tanpa kebenaran Mahkamah bagi masyarakat Wilayah Persekutuan khususnya di Wilayah-Wilayah Selatan Thailand meningkat saban tahun dan sukar untuk dibendung apalagi untuk dihapuskan.

Kelemahan di dalam pelaksanaan penguatkuasaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana boleh mendatangkan implikasi yang buruk bukan sahaja dalam aspek perundangan, bahkan aspek kekeluargaan Islam bagi memastikan keadilan sewajarnya diberikan kepada pihak yang berhak terutama isteri dan anak-anak. Pengamal poligami tanpa kebenaran ini seolah-olah yakin bahawa pernikahan tersebut akan berjaya didaftarkan di dalam daftar nikah yang sah di

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan walaupun tidak mendapat kebenaran dari Mahkamah Syariah.

Ketiga: Pihak berautoriti yang terlibat secara langsung dengan urusan tadbir perkahwinan poligami tanpa kebenaran Mahkamah perlu menjiwai ruh Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan itu sendiri. Proses pendaftaran yang dijalankan sekarang seolah-olah tidak seiring dengan ruh undang-undang yang sedia ada. Perkara ini perlu dilihat dengan segera dan dibuat perubahan supaya keabsahan Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dapat dikembalikan seterusnya dapat diberi nafas baru dan dimartabatkan semula undang-undang sedia ada bagi menjamin kesejahteraan keluarga Islam di Wilayah Persekutuan

## **7.0 KESIMPULAN**

Walaupun peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] seksyen 23 berkaitan dengan keperluan mendapatkan kebenaran untuk berpoligami secara bertulis dari mahkamah, serta larangan pendaftaran nikah poligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah melainkan dengan perintah dari mahkamah dan kaitan dengan seksyen 123 peruntukan kesalah dan juga hukuman denda atau penjara telah dinyatakan secara tegas dalam perundangan, hakikatnya masih wujud kelemahan dalam penguatkuasaan sehingga ada yang berjaya melepaskan diri daripada tindakan undang-undang. Oleh itu, pelaksanaan undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan perlu diperkasakan secara

menyeluruh agar keabsahannya terus digeruni oleh semua peringkat seterusnya dapat menangani masalah poligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan.

## **BIBLIOGRAFI**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Internasional Law Book Services, (Selangor tahun 2011)

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Al-Fiqhu al-Manhaji*, (terj. Ustaz Azizi Ismail dan Ustaz Mohd Asri Hasshim) jilid 4 ( Kuala Lumpur: Pustaka Salam)

H.A Hafizah Dasuki. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanafi Dollah. *Qamus al-Khalil*. 2006. Kuala Lumpur: Dar al-Syakir.

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad. 1994. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadiq. Al-Sabra, Jirwan. 1398H.

Louis, Ma'luf. 1990. *Al-Munjid fi al-Lughat wa al-Adab wa al-Ulum*. Beirut: al-Matba'ah al-Katholikiah.

*Majmu' al-Lughawi, Qamus Arab Parsi*. Beirut: Majaz bi al-Huquq.

Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Shah Alam: HIZBI SDN. BHD

Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani (2021), Poligami Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Muar Johor Tahun 2015-2019, *Jurnal 'Ulwan*. Edisi Khas 1: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi, Jil.6, Bil.1. 269-277.

*Oxford Advanced Learner Dictionary of Current English*. 2006. London: Oxford University Press.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran